



Search Medium



ICAPITAL.BIZ BERHAD MENGUMUMKAN POLISI DIVIDEN INOVATIF

Biz Digest · [Follow](#)

4 min read · 3 days ago



Share

- Untuk menangani diskaun antara harga saham ICAP dan NAB
- Untuk melaksanakan Pelan Pelaburan Semula Dividen yang memberi peluang kepada pemegang saham untuk melabur semula dividen mereka ke dalam saham ICAP baharu untuk peningkatan modal selanjutnya, sambil mengekalkan tunai sebagai modal untuk membiayai pelaburan masa hadapan



KUALA LUMPUR 2 OKTOBER 2023: icapital.biz Berhad (ICAP, 5108), satu-satunya dana tertutup tersenarai di Malaysia, memperkenalkan dasar dividen inovatif untuk secara proaktif mengurangkan perbezaan antara harga saham ICAP dan nilai aset bersih (NAB) dan mungkin mampu membawa harga sahamnya kembali diniagakan pada premium, seperti yang dilakukannya semasa tiga tahun pertama ICAP sebagai syarikat tersenarai.

Selain itu, ICAP juga memperkenalkan dasar pelaburan semula dividen (DRP), yang merupakan satu skim yang membolehkan pemegang saham memilih untuk melabur semula dividen mereka dalam saham ICAP yang baharu tanpa perlu membayar kos transaksi yang besar.

Dasar dividen inovatif, yang tertakluk kepada keadaan pasaran dan ekonomi serta falsafah pelaburan pelaburan nilai ICAP, dirumuskan seperti berikut: Kadar Asas (Base Rate) 1% daripada NAB sesaham, ditambah 8% daripada perbezaan antara harga saham ICAP dan NAB. Tambahan 8% ini dirujuk sebagai Kadar Tambah Nilai (Top-up Rate). Secara ringkasnya, dasar dividen inovatif ini terdiri daripada agregat Kadar Asas 1% dan Kadar Tambah Nilai 8%.

Kadar Tambah Nilai tidak terpakai jika harga saham ICAP didagangkan pada pariti atau pada premium kepada NAB. Di sini, NAB akan dikira menggunakan kiraan purata daripada 4 NAB mingguan yang berkaitan yang diumumkan secara berkala oleh ICAP, manakala harga saham akan berdasarkan harga purata wajaran volum (VWAP) untuk tempoh 4 minggu yang sepadan. Dalam keadaan pasaran dan ekonomi normal, jangkaan hasil dividen adalah kira-kira 4%. Dividen ini akan dibayar setiap tahun.

Tan Teng Boo, Pegawai Lantikan Khas ICAP, telah bekerja keras selama bertahun-tahun dalam perkara ini dan memainkan peranan penting dalam penggubalan dasar dividen yang inovatif ini. Selepas perundingan yang intensif dengan pakar kewangan antarabangsa, dasar dividen telah direka bentuk dengan matlamat untuk secara konsisten memperbaiki secara automatik diskauan harga saham NAB tanpa menjaskan falsafah pelaburan Dana.

Tan Teng Boo berkata: "Majoriti pemegang saham ICAP melabur dalam saham kami untuk peningkatan modal jangka panjang. Kami sedar akan perkara ini. Dasar dividen inovatif ini direka khas untuk alasan ini. Walaupun prestasi konsisten yang melebihi indeks MSCI Malaysia, sebagai penanda aras, harga saham ICAP telah

didagangkan pada harga diskau kepada NABnya untuk sebahagian besar dalam 18 tahun yang lalu. Oleh itu, kami ingin menyelesaikan masalah ini dengan cara yang paling efisien dan berhemat.”

“Pelan DRP yang dicadangkan menjadi agenda utama kami. Ia juga menunjukkan bahawa kami yakin dengan prospek pertumbuhan ICAP. Jika anda percaya dengan peningkatan modal jangka panjang ICAP, DRP menyediakan saluran yang baik bagi pemegang saham meningkatkan penglibatan mereka dalam ICAP. Penerbitan saham ICAP yang baharu juga akan meningkatkan kecairan saham, yang telah terjejas teruk oleh pihak institusi.”

Untuk tujuan ilustrasi, mari kita hitung potensi hasil dividen ICAP dengan menggunakan formula 1% Kadar Asas ditambah dengan 8% Kadar Tambah Nilai menggunakan harga saham ICAP dan NAB pada dua tarikh berbeza.

Pada 20 Sep 2023, purata NAB sesaham ICAP dalam tempoh 4 minggu adalah RM3.580 dan VWAP 4 minggu adalah RM2.7591. Diskaun sebanyak RM0.8209 menunjukkan hasil dividen sebanyak 3.75% atau jumlah dividen sebanyak 10.15 sen (3.58 sen ditambah 6.57 sen).

Sekarang, cuba gunakan data pasaran ICAP pada 3 Januari 2023 sebagai contoh yang lain. Pada tarikh tersebut, diskau antara harga saham ICAP dan NAV adalah lebih besar.

Pada 3 Januari 2023, purata NAB sesaham ICAP dalam tempoh 4 minggu adalah RM3.305 dan VWAP 4 minggu adalah RM1.9844. Dengan diskau sebanyak RM1.3206, ini menunjukkan hasil dividen sebanyak 6.94% atau jumlah dividen sebanyak 13.88 sen (3.31 sen ditambah 10.57 sen).

Dua ilustrasi ini menunjukkan bahawa setiap kali diskau antara harga saham dan NAB adalah lebih besar, hasil dividen adalah lebih tinggi. Inilah bagaimana dasar dividen bertindak sebagai mekanisme pembetulan automatik, membolehkan harga saham bergerak lebih dekat kepada NAB, dan oleh itu mengurangkan diskau. Dengan kata lain, dasar dividen memberikan dorongan kepada peningkatan modal saham.

Bersama dua pakar kewangan dari University of Technology Sydney di Australia, Tan Teng Boo akan memberikan penjelasan yang lebih terperinci mengenai dasar

dividen inovatif ini pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-19 ICAP (“AGM”), yang akan diadakan pada Sabtu, 4 Nov 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

ICAP juga akan mengadakan Hari Pelabur tahunannya pada Ahad, 5 Nov 2023 di tempat yang sama.

Pada 20 Sep 2023, jumlah NAB bersih ICAP berada pada RM505.4 juta dengan 140 juta saham terkumpul. Dalam tempoh tiga tahun dari 21 Sep 2020 hingga 20 Sep 2023, indeks MSCI Malaysia mengalami penurunan sebanyak 8.66%, manakala NAB dan harga saham ICAP masing-masing meningkat sebanyak 34.03% dan 53.53%.

RHB Investment Bank Bhd telah dilantik sebagai penasihat utama untuk pelaksanaan DRP yang dicadangkan. Manakala Astramina Advisory Sdn Bhd sebagai penasihat kewangan bagi dasar dividen ICAP dan DRP yang dicadangkan.

Icap

Nav

Investments



Follow



Written by Biz Digest

101 Followers

Business News and Stock Analysis

More from Biz Digest